

KELANTAN
ENAKMEN No. 2 Tahun 2001
ENAKMEN YAYASAN ISLAM KELANTAN 2001

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran
3. Penubuhan dan memperbadankan
4. Kewajipan Yayasan
5. Meteri
6. Kuasa-kuasa Lembaga
7. Perlantikan Pengarah dan Timbalan Pengarah
8. Pengambilan tanah oleh Yayasan
9. Ahli Lembaga
10. Kekosongan jawatan atas pengisytiharan Pengerusi
11. Akta Perlindungan Pihak berkuasa Awam 1948.
12. Penjawat Awam N.M.B Bab 45
13. Mesyuarat Lembaga
14. Koram
15. Kuasa melantik jawatankuasa
16. Majlis Pengajian
17. Penubuhan Kumpulanwang
18. Jawatankuasa Tetap Kewangan
19. Tugas-tugas Bendahari
20. Anggaran tahunan
21. Meluluskan anggaran
22. Perbelanjaan
23. Odit
24. Penyata tahunan
25. Peraturan-peraturan
26. Pemansuhan dan pengecualian

KELANTAN
ENAKMEN No. 2 Tahun 2001
ENAKMEN YAYASAN ISLAM KELANTAN 2001

SAYA BERSETUJU,

(MOHOR
KERAJAAN)

ISMAIL PETRA,
Sultan Kelantan

18hb. Mac 2001

Suatu Enakmen untuk menubuhkan Yayasan Islam bagi membantu Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam usaha menyebarkan dan mengembangkan ajaran dan pendidikan Islam di Negeri ini dan menggalak dan menimbulkan kesedaran dan perasaan keislaman di kalangan rakyat dan penduduk-penduduk Islam di dalamnya; menubuhkan sebuah kumpulan wang dan melantik pegawai-pegawai bagi menjalankan tujuan-tujuan yayasan Islam ini ; dan perkara-perkara berhubung dan berdamping dengannya.

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Yayasan Islam Kelantan 1982 dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh diisytiharkan oleh Raja dalam Mesyuarat melalui pemberitahu dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Di dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain – Tafsiran.
 - “Kerajaan” ertinya Kerajaan Negeri Kelantan ;
 - “Kumpulan wang” ertinya Kumpulan wang Yayasan Islam Kelantan yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 ;
 - “Lembaga” ertinya Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 9;

“Majlis” ertinya Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966 atau mana-mana undang-undang bertulis;

“Pengarah” ertinya Pengarah Yayasan dan termasuklah Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan Bendahari yang dilantik di bawah seksyen 7 ;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga dan termasuklah Timbalan Pengerusi ;

“Sekolah Agama” ertinya suatu tempat di mana pelajaran atau pengajaran dalam Ugama Islam diberi kepada sepuluh orang atau lebih sama ada dalam satu kelas atau lebih dan termasuk sebuah tadika, sekolah rendah dan menengah, pusat latihan bagi guru-guru, Pusat Bahasa Arab dan pengajian pondok yang tidak ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan ;

“Yayasan” ertinya Yayasan Islam Kelantan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

3. Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah badan yang diperbadankan dengan nama “Yayasan Islam Kelantan” (kemudian daripada ini disebut “Yayasan”) yang berterusan dan mempunyai suatu meteri dan berkuasa – Penubuhan dan memperbadankan.
- (a) Mendakwa atau didakwa dalam mana-mana Mahkamah ;
 - (b) Memasuki kontrak-kontrak dan pelaburan-pelaburan;
 - (c) Membeli mana-mana harta alih atau harta takalih dan mengambil, menerima dan memegang harta yang diletakkan oleh sebab pembelian itu atau mana-mana pertukaran, pemberian, kurnia , pajakan , pemberian berwasiat atau dengan jalan lain ;
 - (d) Menjual, menggadaijanji, memajak, menukar atau dengan jalan lain melepaskan harta itu.
4. (1) Hendaklah menjadi kewajipan Yayasan ini untuk membantu Majlis di dalam usaha-usaha menyebar dan mengembangkan ajaran dan pendidikan Ugama Islam dan Bahasa Arab di Negeri ini.

(2) Untuk menjalankan kewajipan menurut seksyen-kecil (1) maka berkuasalah Yayasan ini –

(a) Mengadakan badan-badan atau kumpulan-kumpulan pengembang Ugama Islam ;

(b) Mengadakan kewangan bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan ;

(c) Mengadakan pusat-pusat penyebaran, pengajian dan pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Negeri ini ;

(d) Memberi pertolongan kepada pertubuhan-pertubuhan Islam atau pertubuhan-pertubuhan yang mengembangkan ajaran Islam , yang bertujuan untuk maksud khairat, kebajikan anak-anak yatim, muallaf dan apa jua tujuan bagi kepentingan Ugama Islam ;

(e) Membuat dan atau menjalankan semua perbuatan dan atau perkara yang difikirkan oleh Yayasan mustahak untuk menjalankan atau melaksanakan tugas atau kewajipan Yayasan ini.

5. (1) Yayasan hendaklah mempunyai suatu meteri dan boleh dari Meteri masa ke semasa menukar, mengubah atau membaharui meteri tersebut sebagaimana yang difikirkannya patut, dan sehingga suatu meteri diadakan di bawah seksyen ini suatu cap yang mengandungi tulisan “Yayasan Islam Kelantan” boleh digunakan sebagai meteri.

Ent.10/86
1.1.87

(2) Meteri Yayasan hendaklah disimpan dalam simpanan Pengerusi.

(3) Meteri Yayasan tidak boleh dimeterikan ke atas mana-mana suratcara kecuali di hadapan –

(a) Pengerusi , dan

(b) 2 orang ahli Lembaga ,

yang akan menandatangani di atas suratcara itu sebagai pengesahan bahawa meteri itu telah diturunkan di hadapan mereka; dan tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meteri itu telah diturunkan dengan sempurna dan teratur dan meteri itu adalah meteri Yayasan yang sah di sisi undang-undang.

6. Lembaga hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa yang Kuasa-kuasa
diberi oleh Enakmen ini, mempunyai kuasa – Lembaga.

Ent.10/86
1.1.87

- (a) Menubuh dan menyelenggarakan sekolah-sekolah Agama, institut-institut latihan, institut-institut ilmu pengetahuan, Pusat Bahasa Arab, pengajian pondok dan sekolah-sekolah lain sebagaimana yang Lembaga fikir perlu dan mustahak bagi menjalankan tugas-tugas Yayasan ;
- (b) Mendapat, mengambil, memegang dan menikmati sama ada sebagai tuannya atau dengan cara cagaran menjual, memindah hak, memindah milik, menyerahkan hak, memindah hak semula, menyerahkan hak semula, menyerahkan atau dengan cara lain mengurusniaga atau melupuskan segala jenis harta alih atau harta takalih ;
- (c) Membuat atau mengubahsuaikan apa-apa kontrak atau perjanjian yang perlu dan mustahak untuk menjalankan tujuan-tujuan Yayasan ;
- (d) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pungutan-pungutan wang dari orang-orang awam, dari masa ke semasa mendapatkan yuran dari orang-orang awam atau membuat pungutan dari orang awam untuk kumpulanwang ;
- (e) Menjalankan segala kegiatan, khususnya untuk memajukan usaha-usaha perniagaan dan perindustrian, jika perjalanan kegiatan-kegiatan itu didapati perlu, berfaedah atau menyenangkan untuk atau berhubung dengan menunaikan tugasnya, termasuk membuat, memasang, memproses, membungkus, menetapkan mutu dan memasarkan barang-barang, menyelidik dan melatih ;
- (f) Membeli, menanggung atau dengan cara lain memperolehi saham (stock dan share) di dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan melupuskannya mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Lembaga ;
- (g) Menjalankan perniagaan pengangkutan udara, laut, sungai, terusan, keretapi, jalanraya, dan lain-lainnya;

- (h) Menggalakkan supaya diteruskan kegiatan-kegiatan, oleh badan-badan atau orang-orang dan bagi maksud itu menubuhkan atau meluaskan atau menggalakkan penubuhan atau perluasan badan-badan lain untuk menjalankan kegiatan-kegiatan itu sama ada di bawah kawalan Lembaga atau secara persendirian dan memberi bantuan kepada badan-badan itu atau badan-badan lain atau orang-orang yang pada pandangan Lembaga ada kemudahan-kemudahan bagi meneruskan sebarang kegiatan-kegiatan itu, termasuk bantuan kewangan dengan jalan mengambil saham atau memberi bantuan pinjaman modal atau dengan jalan pinjaman atau lain ;
- (i) Menjadi agen atau memakai dan menggaji agen-agen dan penasihat-penasihat teknik termasuk peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara, banker-banker, stokbroker-stokbroker, juru ukur- juru ukur atau penilai-penilai atau orang-orang lain, bagi menguruskan apa-apa pekerjaan atau membuat apa-apa yang dikehendaki diuruskan atau dilakukan dalam melaksanakan tugas-tugasnya atau bagi memperbaiki lagi natijah maksud-maksud Enakmen ini ;
- (j) Menubuhkan dari masa ke semasa satu perbadanan dengan nama yang difikirkan patut oleh Lembaga bagi menjalankan dan menjaga, memimpin dan mengurus mana-mana projek, rancangan atau usaha yang dirancangan atau disanggupi oleh Lembaga dalam melaksanakan tugasnya atau menunaikan kerja-kerjanya menurut tujuan-tujuan Yayasan ;
- (k) Memberi pinjaman-pinjaman dan sebarang pinjaman-pinjaman itu boleh diberikan dengan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang Lembaga memandang patut dikenakan dalam hal-hal yang tertentu ;
- (l) Meminjam dari masa ke semasa dengan kadar faedah dan selama tempoh serta dengan syarat-syarat tentang masa dan kaedah membayar balik dan lainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga apa-apa wang yang dikehendaki oleh Yayasan bagi menyempurnakan tanggungan-tanggungannya atau menunaikan tugas-tugasnya ;

- (m) Memasuki apa-apa urusan (sama ada melibatkan atau tidak melibatkan perbelanjaan, meminta pinjaman, memberikan pinjaman-pinjaman atau pelaburan wang menurut peruntukan Enakmen ini dan bagi maksud itu memperolehi, mengguna dan menjual harta, termasuk kereta-kereta dan perahu-perahu/kapal-kapal atau hak-hak) yang pada pendapat Lembaga dikira akan memudahkan pelaksanaan tugasnya yang betul atau yang bersangkutan atau yang boleh mendatangkan faedah keada urusan itu ;
- (n) Memberi dan atau menguruskan pemberian oleh badan-badan lain, biasiswa-basiswa, pinjaman-pinjaman untuk pengajian tinggi atau pertolongan kewangan atau pelajaran secara lain untuk rakyat Negeri atau mana-mana warganegara Malaysia yang kelaziman bermastautin di dalam Negeri bila difikirkan patut melakukan demikian dan mengenakan syarat-syarat sebelum memberinya supaya penuntut hendaklah berkhidmat sebagai kakitangan Yayasan, pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan Negeri atau Persekutuan atau mana-mana perkhidmatan selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Lembaga apabila tamat kursus ;
- (o) Merancang persidangan-persidangan, simposium-simposium, seminar-seminar, syarahan-syarahan, mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan-perbincangan bagi mencapai tujuan-tujuan Yayasan ini dan memberi bantuan kewangan berkenaan dengan ini ;
- (p) Menerbit untuk jualan atau edaran percuma risalah-risalah ,majalah-majalah berkala, buku-buku dan lain-lain penerbitan bagi memajukan tujuan Yayasan ini ;
- (q) Menganugerah sijil-sijil kepada orang-orang yang telah mengikuti kursus-kursus pengajian yang telah diluluskan di bawah kawalan Yayasan ;
- (r) Mengiktiraf sijil-sijil lain-lain sekolah Agama bagi maksud menerima masuk ke mana-mana sekolah di bawah kawalan Yayasan ;

- (s) Mengada dan memberi hadiah-hadiah kepujian dan lain-lain bentuk pertolongan bagi meninggi dan menyebarkan pengetahuan ;
- (t) Melaku segala perbuatan dan benda sama ada berkaitan dengan kuasa-kuasa yang tersebut di atas, sebagaimana yang dikehendaki untuk menambah pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib dalam Yayasan ;
- (u) Pada amnya, melakukan segala perkara sebagaimana yang boleh dilakukan oleh sesebuah perbadanan menurut undang-undang dan perkara-perkara yang perlu serta mustahak bagi menjalankan tujuan-tujuan Yayasan.

Ent.10/86
1.1.87

7. (1) Raja boleh melantik seorang Pengarah, seorang Timbalan Pengarah bagi Yayasan;
- (2) Lembaga boleh melantik Penolong-Penolong Pengarah dan seorang Bendahari Yayasan dan Pegawai-Pegawai lain yang difikirkan patut bagi maksud Enakmen ini.
- 7A. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan penjawatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang sedemikin.
- 7B. (1) Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori pegawai-pegawai dan penjawat-penjawatnya.
- (2) Yang berikut hendaklah terpakai bagi sesuatu jawatankuasa tatatertib:
- (a) sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan ahli Lembaga, selain Pengerusi, atau pegawai Yayasan atau apa-apa kombinasi ahli atau pegawai itu; dan
 - (b) seseorang pegawai yang menjadi ahli sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada seseorang pegawai yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib yang dianggotainya mempunyai kuasa tatatertib.
- (3) Sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan

Perlantikan
Pengarah dan
Timbalan
Pengarah.
penolong
Pengarah,
Bendahari,
Dan Pegawai-
pegawai

Tatatertib

Jawatankuasa
tatatertib.

tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

- (4) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 7C.

7C. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawatnya.

Peraturan-peraturan tatatertib.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini-

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tatatertib
(b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dan hukuman itu boleh meliputi-

- i. amaran ;
- ii. denda ;
- iii. perlucuthakan emolument ;
- iv. penangguhan pergerakan gaji ;
- v. pengurangan gaji ;
- vi. penurunan pangkat ; dan
- vii. buang kerja

(c) hendaklah memberikan peluang kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib kecuali dalam hal-hal berikut:

- i. jika seorang pegawai atau penjawat dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan salah laku yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- ii. jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungkan dengan hal ehwal dalam negeri,

berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau

iii. jika telah –

(A) dibuat terhadap seseorang pegawai atau penjawat apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran; atau

(B) dikenakan terhadap seseorang pegawai atau penjawat apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya,

di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

(d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen seseorang pegawai atau penjawat semasa menanti selesainya prosiding jenayah atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat; dan

(e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau penjawat –

(i) jika pegawai atau penjawat itu telah disabitkan oleh suatu mahkamah jenayah; atau

(ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dikenakan ke atas pegawai atau penjawat itu; dan

(f) boleh mengadakan peruntukan bagi tatacara pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 7D.

7D. (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib boleh dirayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

Lembaga
Rayuan
Tatatertib

- (a) Pengerusi Yayasan, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan
 - (b) Dua orang ahli Lembaga yang lain, yang bukannya ahli jawatankuasa tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan tatatertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.
- (2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan, ahli jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.
- (3) Lembaga Rayuan Tatatertib boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

7E. (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Yayasan boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu –

Pengenaan
surcaj.

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Yayasan yang pemungutan wang itu menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Yayasan yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Yayasan;
- (d) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Yayasan kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Yayasan; atau

- (e) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya.
- (2) Dalam seksyen ini, “pegawai perakaunan” termasuklah seorang pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan –
- (a) kewajipan untuk memungut, menerima atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Yayasan ;
 - (b) kewajipan untuk membuat pembayaran, atau yang sebenarnya membuat pembayaran, daripada apa-apa wang Yayasan ; atau
 - (c) kewajipan untuk menerima, menyimpan, melupuskan atau mengakaunkan, apa-apa barang simpanan dan harta Yayasan, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau mengakaunkan tentang barang simpanan dan harta itu.

7F. Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcay, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcay.

Notis tunjuk sebab sebelum disurcay.

7G. Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh notis disampaikan kepada seseorang di bawah seksyen 7F, Lembaga boleh–

Amaun surcay.

- (a) dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 7E (1) (a), (b) dan (c), mensurcay terhadap orang itu wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau nilai yang berkurangan dalam harta itu atau nilai harta yang termusnah itu; dan
- (b) dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 7E (1) (d) dan (e), mensurcay terhadap orang itu apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(c)

7H. Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcay berkenaan dengan apa-apa surcay yang dikenakan di bawah seksyen 7F.

Pemberitahuan surcay.

7I. Walau apa pun seksyen 7G dan 7H, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik, apa-apa surcay yang berkenaan dengannya

Penarikan balik surcay.

penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dikenakan, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikan balik itu.

7J. Amana apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 7G dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 7I hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Yayasan daripada orang yang disurcaj dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Yayasan dan boleh juga, jika diarahkan oleh Lembaga didapatkan melalui potongan –

Mendapatkan surcaj.

(a) gaji orang yang disurcaj; atau

(b) pencen orang yang disurcaj,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

7K. Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekelling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri”.

Lembaga boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

8. (1) Apabila mana-mana harta takalih, selain daripada tanah Kerajaan, dikehendaki diambil oleh Yayasan bagi maksud-maksud Enakmen ini, harta itu boleh diambil menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi suatu maksud awam yang berkuatkuasa dalam Negeri, dan mana-mana perisytiharan yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu adalah dikehendaki sebegitu boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar daripada Kumpulanwang Yayasan; dan pengisytiharan yang sedemikian hendaklah berkuatkuasa seolah-olah pengisytiharan bahawa tanah itu diambil adalah untuk maksud awam yang dibuat menurut undang-undang bertulis itu.

Pengambilan tanah oleh Yayasan.

(2) Belanja-belanja dan pampasan berkenaan dengan harta takalih telah diambil di bawah seksyen ini, maka Yayasan hendaklah mengambil suratan hakmilik yang perlu berkenaan dengan harta itu dan hendaklah membayar hasil yang tertakluk kepada harta itu.

(3) Apabila mana-mana harta takalih telah diambil di bawah seksyen ini, maka Yayasan hendaklah mengambil suratan hakmilik yang perlu berkenaan dengan harta itu dan hendaklah membayar hasil yang tertakluk kepada harta itu.

Ent.10/86
1.1.87

9. (1) **Hendaklah ditubuhkan satu Lembaga yang akan** menjadi badan kerja Yayasan, dan hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut-

Penubuhan
dan Ahli
Lembaga.

- (a) seorang Pengerusi, iaitu orang yang pada masa itu memegang jawatan Menteri Besar Kelantan ;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi, iaitu orang yang pada masa itu memegang jawatan Timbalan Menteri Besar ;
- (c) Setiausaha Kerajaan Kelantan ;
- (d) Pegawai Kewangan Negeri Kelantan ;
- (e) seorang Setiausaha, iaitu orang yang pada masa itu memegang jawatan Pengarah ; dan
- (f) tidak lebih daripada tujuh orang yang dilantik oleh Raja ;

(2) Seorang ahli selain daripada yang tersebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d), dan (e) dalam seksyen-kecil (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun bagi satu-satu masa atau sebagaimana yang ditetapkan dalam surat perlantikan menjadi ahli.

(3) Seseorang ahli, kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 10, adalah layak dilantik semula.

(4) Kecuali sebagaimana yang tersebut di atas dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, mana-mana ahli selain daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Setiausaha boleh meletakkan jawatannya dengan surat bertulis yang ditandatangani dan dialamatkan kepada Pengerusi.

(5) Semua Ahli Lembaga hendaklah beragama Islam.

Ent.10/86
1.1.87

10. Jika Lembaga puashati bahawa seseorang ahli **dilantik di bawah seksyen 9 (1) (f) –**

Kekosongan
jawatan
diisytiharkan
oleh pengerusi

- (a) memegang sesuatu jawatan yang tugas-tugas atau kepentingan-kepentingannya mungkin akan bertentangan dengan tugas-tugas atau kepentingan-kepentingan Yayasan;
- (b) tidak hadir mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut dengan tiada kebenaran Pengerusi ;

Ent.10/86
1.1.87

- (c) telah menjadi bankrap atau tidak berkemampuan;
- (d) tidak berupaya kerana keuzuran anggota atau otak ; **atau**
- (e) kerana sebab lain, tidak berupaya atau tidak layak menjalankan tugas-tugas sebagai seorang ahli ,

maka Lembaga boleh mengisytiharkan jawatan ahli itu sebagai kosong dan selepas itu jawatan tersebut menjadi kosong.

Ent.10/86
1.1.87

11. Akta Perlindungan Pihakberkuasa Awam 1948 hendaklah dipakai bagi apa-apa tindakan , guaman , pendakwaan **atau** pembicaraan terhadap Yayasan atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, penjawat atau ejen Yayasan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya yang sedemikian itu. Akta Perlindungan Pihakberkuasa Awam 1948.
12. Semua ahli, pegawai dan penjawat Yayasan semasa mereka menjalankan kewajipan sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan. Penjawat Awam *N.M.B.* Bab 45.
13. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap suku tahun. Mesyuarat Lembaga.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengadakan mesyuarat Lembaga.

(3) Peringatan-peringatan mesyuarat dengan cara yang sempurna bagi tiap-tiap Mesyuarat Lembaga hendaklah disimpan oleh Setiausaha dan hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi atau ahli yang mengerusi mesyuarat secepat mungkin dapat dilakukan dalam mesyuarat kemudiannya.

(4) Yayasan boleh menjemput seorang atau lebih menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga yang tertentu bagi maksud membantu atau menasihati Yayasan tetapi orang-orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi.
14. (1) Dalam mana-mana mesyuarat Lembaga bilangan yang tidak kurang daripada tujuh orang ahli hendaklah menjadi cukup koram dan semua perbuatan-perbuatan, perkara-perkara atau benda yang diberi kuasa atau dikehendaki diperbuat oleh Lembaga, bolehlah diputuskan dengan undi terbanyak daripada ahli-ahli yang hadir. Korom.

(2) Pengerusi, jika ia hadir, hendaklah mengerusi tiap-tiap mesyuarat Lembaga dan jika ia tidak hadir oleh Timbalan

Pengerusi dan jika kedua-duanya tidak hadir, mesyuarat hendaklah dipengerusi oleh seorang ahli yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir.

(3) Pengerusi atau ahli yang mengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai hak mengundi dalam apa-apa masalah dan jika terjadi sama banyak undi ia juga mempunyai undi pemutus.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa membuat peraturan-peraturannya sendiri.

15. (1) Lembaga bolehlah melantik suatu jawatankuasa sebagaimana difikir layak untuk memeriksa dan membuat laporan mengenai apa-apa perkara yang timbul atau bersangkutan dengan mana-mana kuasa dan tugas Yayasan di bawah Enakmen ini.

Kuasa melantik jawatankuasa.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah mengandungi mana-mana orang sama ada ahli, pegawai atau penjawat Yayasan atau tidak yang dikehendaki pertolongan atau nasihatnya oleh Yayasan.

(3) Tidak kurang daripada satu perdua bilangan orang-orang yang dilantik menjadi ahli di bawah seksyen ini hendaklah menjadi cukup koram jawatankuasa itu.

(4) Lembaga bolehlah dengan membuat ketetapan menolak laporan mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini atau boleh memakai laporan-laporan itu sama ada ke semua atau sebahagiannya atau dengan pengubahsuaian atau tambahan-tambahan bagaimana difikir layak oleh Lembaga.

Ent.10/86
1.1.87

16. (1) **Hendaklah diadakan Majlis** Pengajian yang hendaklah menjadi badan akademik Yayasan dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan peraturan-peraturan, hendaklah mempunyai kawalan dan arahan am dalam perkara pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan dan pengurniaan sijil-sijil.

Majlis Pengajian.

(2) Majlis Pengajian hendaklah mengandungi ahli-ahli yang berikut dilantik oleh Raja –

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dari ahli Lembaga ;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi ; dan
- (c) tujuh orang ahli lain.

17. (1) Hendaklah ditubuhkan satu kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan wang Yayasan Islam Kelantan” (kemudian daripada ini disebutkan “Kumpulan wang”). Penubuhan
Kumpulan-
wang
- (2) Kumpulan wang itu hendaklah mengandungi –
- (a) wang sebagaimana yang dicarumkan dari masa ke semasa oleh Kerajaan kepada Kumpulan wang;
- (b) semua wang lain yang didermakan, dicarumkan, dipinjamkan, diberikan, sebagai bayaran tahunan atau mengikut wasiat atau dengan apa-apa cara lain dibayar ke dalam Kumpulan wang oleh mana-mana Kerajaan, badan berkanun, Lembaga, badan, perbadanan, atau orang perseorangan ;
- (c) semua wang yang diterima oleh Lembaga dengan jalan keuntungan, pembahagian untung, bayaran, dalal atau dengan jalan lain atas bahagian wang-wang Kumpulan wang sebagaimana dari masa ke semasa dilaburkan ;
- (d) semua wang yang diterima oleh Lembaga dengan jalan keuntungan atau jadi bertambah secara lain daripada usaha-usaha perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh Lembaga ;
- (e) semua hasil daripada harta benda kepunyaan Lembaga.
18. Lembaga hendaklah melantik satu Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk mengatur dan mengawal kewangan Yayasan. Jawatan-
kuasa
Tetap
Kewangan.
19. (1) Bendahari hendaklah menyimpan dengan sempurna dan betul kira-kira Kumpulan wang. Tugas-tugas
Bendahari.
- (2) Bendahari hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Tetap Kewangan.
20. (1) Hendaklah menjadi kewajipan Jawatankuasa Teta Kewangan menyediakan untuk kelulusan Lembaga anggaran-anggaran pendapatan dan perbelanjaan Yayasan bagi tiap-tiap tahun. Anggaran
Tahunan.

(2) Jika wang peruntukan tambahan dikehendaki bagi mana-mana tahun maka hendaklah Jawatankuasa Tetap Kewangan menyediakan untuk kelulusan Lembaga anggaran tambahan bagi maksud itu dengan menunjukkan dari punca-punca mana perbelanjaan tambahan itu akan didapati.

(3) Anggaran-anggaran tahunan dan tambahan hendaklah disediakan dengan cara bentuk dan hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana diarah oleh Lembaga dan hendaklah ditunjukkan dalam bahagian yang berasingan anggaran perbelanjaan yang berlaku tiap-tiap tahun dan perbelanjaan pokok Yayasan itu.

21. (1) Lembaga hendaklah dalam butiran September tiap-tiap tahun meluluskan butir-butir anggaran hasil dan perbelanjaan Yayasan bagi tahun yang akan datang. Meluluskan anggaran.

(2) Lembaga boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1), mengikut budibicaranya melulus, mengubahsuai atau menolak kesemua atau mana-mana butiran yang dimasukkan dalam rang anggaran atau merujuk mana-mana butiran itu kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk pertimbangannya atau menambah mana-mana butiran kepadanya.

22. Tidaklah boleh dilakukan perbelanjaan melainkan perbelanjaan itu telah dimasukkan dalam anggaran. Perbelanjaan.

23. (1) Akaun Kumpulanwang hendaklah diodit tiap-tiap tahun oleh Ketua Odit Negara atau Juru Odit lain yang dilantik oleh Lembaga. Odit.

(2) Penyata Kira-kira yang telah diodit bersekali dengan mana-mana laporan atau pandangan-pandangan yang dibuat oleh juru odit-juru odit ke atas penyata itu hendaklah dibentang kepada Lembaga dan hendaklah dibentang di atas meja Dewan Undangan.

24. Lembaga hendaklah, secepat mungkin yang dapat dilakukan selepas akhir tiap-tiap tahun, menyebabkan supaya diperbuat dan dihantar kepada Raja dalam Mesyuarat satu laporan menyentuh secara am kegiatan-kegiatan Yayasan bagi tahun yang terdahulu dan mengandungi segala maklumat berhubung dengan perjalanan-perjalanan dan dasar Yayasan sebagaimana Raja dalam Mesyuarat mengarahkan dari masa ke semasa dan penyata itu hendaklah dibentang di atas meja Dewan Undangan. Penyata tahunan.

25. Lembaga boleh dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini khususnya, tetapi dengan tiada memudharatkan keluasan makna yang tersebut, boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut –

- (a) kuasa-kuasa dan tugas-tugas pegawai-pegawai Yayasan ;
- (b) cara-cara perlantikan dan syarat-syarat perkhidmatan, tangga gaji, cuti dan tatatertib pegawai-pegawai, guru-guru dan lain-lain pekerja Yayasan ;
- (c) penentuan sijil-sijil dan lain-lain kepujian akademik yang akan dianugerahkan oleh Yayasan ;
- (d) bilangan dan bidang peperiksaan-peperiksaan ;
- (e) perlantikan, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan saraa pemeriksa-pemeriksa ;
- (f) syarat-syarat masuk dan tempat kediaman penuntut-penuntut ;
- (g) penubuhan, aturan, pengurusan, pengawalan penuntut-penuntut , guru-guru sekolah di bawah kawalan Yayasan ;
- (h) kemasukan penuntut-penuntut ke mana-mana sekolah di bawah kawalan Yayasan ;
- (i) pengurusan perpustakaan, dewan-dewan, tempat-tempat kediaman dan segala lapangan kegiatan yang dijalankan di sekolah-sekolah ;
- (j) bayaran-bayaran yang akan dikenakan bagi kursus-kursus pengajian, tempat kediaman, memasuki peperiksaan, sijil-sijil dan lain-lain bayaran yang akan dikenakan oleh Yayasan ;
- (k) penubuhan dan peraturan sekim-sekim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerja-pekerja Yayasan ;
- (l) pengaturan dan peruntukan tempat kediaman atau pinjaman untuk membeli atau membina rumah kediaman atau pinjaman untuk membeli kenderaan bagi pegawai-pegawai Yayasan ;
- (m) penganugerahan sijil-sijil kepada orang-orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang diluluskan di bawah kawalan Yayasan ;
- (n) pengiktirafan sijil-sijil lain-lain sekolah Agama bagi maksud menerima masuk ke mana-mana sekolah di bawah kawalan Yayasan ;
- (o) pengujudan dan pemberian biasiswa-biasiswa, hadiah-hadiah dan lain-lain kepujian dan lain-lain bentuk pertolongan bagi meninggi dan menyebarkan pengetahuan ;

(p) pada amnya bagi menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Yayasan di bawah Enakmen ini.

26. (1) Enakmen-enakmen yang dinyatakan dalam Jadual adalah dengan ini dimansuhkan.

Pemansuhan dan pengecualian.

(2) Walaupun dimansuhkan Enakmen-enakmen yang dinyatakan dalam Jadual, peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah berkuatkuasa –

(a) mana-mana kaedah, peraturan, perintah atau kontrak yang dibuat di bawah dan menurut Enakmen-enakmen yang tersebut dan berkuatkuasa sebelum sahaja Enakmen ini dikuatkuasakan hendaklah, setakat yang ianya tidak berlawanan dengan Enakmen ini, disifatkan sebagai telah diperbuat di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam Enakmen ini dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan, dipinda atau diganti dengan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah-perintah atau kontrak-kontrak yang dibuat di bawah Enakmen ini ;

(b) semua biasiswa, pinjaman, pemberian atau bantuan yang diberi oleh Lembaga di bawah Enakmen-enakmen yang dinyatakan dalam Jadual itu hendaklah disifatkan telah dihadiah atau diberi oleh Lembaga yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini dan adalah dengan ini disahkan mana-mana kontrak biasiswa, pinjaman, pemberian atau bantuan yang dibuat di bawah dan menurut Enakmen-enakmen yang telah dimansuhkan dan berkuatkuasa sebelum dikuatkuasakan Enakmen ini hendaklah, apabila berkuatkuasanya Enakmen ini, terus berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan, dipinda atau diubah oleh sesuatu kontrak lain atau dengan jalan lain kontrak itu habis tempohnya ;

(c) Kumpulan wang-kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Enakmen-enakmen yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah terletak hak, apabila Enakmen ini dikuatkuasakan, ke dalam Kumpulanwang yang ditubuh di bawah seksyen 17 Enakmen ini.

(d) semua harta alih atau takalih yang dipegang oleh Lembaga, dan wang-wang yang ada dalam kredit Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah Enakmen-enakmen yang dinyatakan dalam Jadual yang didapati di mana-mana dan wang-wang

yang terakru atau akan terakru dan kena dibayar kepada Lembaga ke dalam Kumpulanwang yang disebut di atas menurut kuasa di bawah mana-mana kontrak atau perjanjian yang ada sebelum berkuatkuasa Enakmen ini hendaklah, apabila Enakmen ini dikuatkuasakan diletakkan dan menjadi harta Yayasan dan kena dibayar ke dalam Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini;

- (e) semua pegawai dan penjawat Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan dan Yayasan Pengajian Tinggi Islam, mengikut nama yang berkenaan, hendaklah selepas berkuatkuasanya Enakmen ini menjadi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Yayasan.

JADUAL
(Seksyen 26 (1))

1. Enakmen No. 9 of 1968	Enakmen Pengajian Tinggi Islam 1968
2. Enakmen No. 5 of 1979	Enakmen Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan 1979
3. Enakmen No. 8 of 1982	Enakmen Yayasan Islam Kelantan 1982 PU.Kn. 9/83
4. Enakmen No. 8 of 1982	Enakmen Yayasan Islam Kelantan 1982 (Pindaan 1987) - PU.Kn.10/ 86 -1.1.1987 Diluluskan pada 23hb. November 1982. [SUK. (Kn.) (U) 323/S (6) ; P.U. K.n.382]
5. Enactment No. 2 of 2001	Yayasan Islam Kelantan Enactment 2001 - 18.3.2001 Passed this 26 rd day of February 2001. [PU.Kn. 1/G SUK(S) D200/420/1/Jld.56]